

PBS mesti ubah sikap — PM

U.M 27 OCT 1993

(P)

SUBANG 26 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu Parti Bersatu Sabah (PBS) memberi jaminan yang kukuh bahawa perbuatannya 'menikam' Barisan Nasional (BN) dari belakang semasa menghadapi pilihanraya umum lalu tidak akan berulang lagi, jika parti itu benar-benar ingin menyertai semula BN.

Pengerusi BN, Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini bukannya kali pertama PBS menyatakan hasrat untuk kembali semula ke dalam BN.

"Sementara kita menyalu-alukan hasrat ini, kita tentulah ingin tahu

apakah syarat-syarat yang perlu dikenakan kerana kita tidak boleh mengadakan keadaan di mana parti-parti boleh masuk dan keluar BN dengan begitu sahaja," katanya.

Perdana Menteri berkata, BN tidak akan bermakna, jika sesebuah parti boleh masuk dan keluar dari parti komponen itu dengan sewenang-wenangnya.

"Kalau hendak masuk BN kena pegang prinsip-prinsip perjuangan BN...jadi apakah jaminan (PBS) tidak akan berlaku, apa yang berlaku dahulu," katanya.

■ Lihat muka 2

PBS mesti ubah sikap — PM

U.M 27 OCT 1993

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di sini hari ini, sekembalinya dari menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Cyprus.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Pembantu kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Lajim Okin yang juga Naib Presiden PBS kelmarin, bahawa parti itu berhasrat menyertai semula BN bagi merapatkan kembali kerjasama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Mengenai alasan PBS bahawa hasrat mereka ingin memasuki semula BN adalah kerana perubahan dalam pucuk pimpinan UMNO, Perdana Menteri berkata: "Itu dia punya alasan, kita ada alasan lain...kenapa dia keluar dari BN?"

Dr. Mahathir berkata, apa yang berlaku bukan kerana perubahan kepimpinan tetapi sikap PBS sendiri.

"PBS harus beri jaminan apakah sikap itu telah berubah...kalau mereka soal kepimpinan UMNO, mungkin BN juga akan menyoal kepimpinan mereka," kata Perdana Menteri.

Ditanya adakah ini bermaksud BN akan menerima kembali PBS jika Joseph Pairin Kitingan tidak lagi memimpin parti itu, beliau berkata: "Kita nak tahu...apakah jaminan dia (PBS)."

Mengulas lebih lanjut jaminan yang diharapkan oleh BN, Perdana Menteri berkata: "Awak tahulah semasa kita tengah-tengah pilihanraya dia tarik diri, kita tidak dapat bertanding dalam banyak kawasan kerana tidak dapat letak calon lagi sebab dah mula proses berkempen."

Dr. Mahathir menegaskan, BN ingin mengetahui apakah kali ini terdapat perubahan dan jaminan yang kekal supaya dalam pilihanraya umum akan datang PBS tidak keluar.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata, PBS bertanggungjawab dalam menghalang hubungan rapat antara Sabah dengan Pusat.

"Dulu kita begitu rapat sekali dengan Kerajaan Sabah, sehingga saya dalam setahun lima kali ke Sabah...setiap kali pergi...saya duduk lima hari untuk melihat pembangunan dan kenal dengan semua pemimpin Sabah," katanya.

Tetapi kali ini, kata Dr. Mahathir, sejak PBS mengambil alih kuasa memerintah Sabah, beliau pergi untuk satu tempat sahaja.

"Seolah-olah saya dipisah daripada rakyat Sabah...tak ada kemesraan...mungkin secara sengaja dilakukan," katanya.